
GARIS PANDUAN PERMOHONAN FAEDAH PENGURANGAN 30% BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN BAGI ANAK-ANAK PENEROKA FELDA

LATAR BELAKANG

1. FELDA sebagai sebuah agensi Kerajaan yang antara lainnya dipertanggungjawabkan dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat peneroka.
2. Pada 5 September 2012, Jemaah Menteri bersetuju supaya FELDA menanggung sebahagian daripada kos pengajian anak-anak warga FELDA di IPT melalui PTPTN. Justeru, FELDA melalui suratnya bertarikh 13 Mac 2014 memaklumkan persetujuan dengan cadangan melaksanakan pengurangan ke atas bayaran balik pembiayaan pendidikan sebanyak 30% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan pendidikan kepada Penerima Biaya yang terdiri daripada anak-anak peneroka FELDA yang berjaya menamatkan pengajian

SYARAT-SYARAT

3. Terbuka kepada semua anak Peneroka FELDA yang diluluskan Pembiayaan PTPTN mulai **1 Januari 2014**. (*tarikh surat tawaran PTPTN*); dan
4. Melanjutkan pengajian peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di IPTA dan IPTS yang berdaftar dengan FELDA sahaja. Senarai IPT adalah seperti di Lampiran 1.

KAEDAH PERLAKSANAAN

5. Penerima Biaya yang ingin memohon faedah pengurangan bayaran balik sebanyak 30% ini hendaklah terlebih dahulu mengisi dan menghantar Borang Permohonan Faedah Pengurangan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan Anak-Anak Peneroka FELDA ke Jabatan Pengajian Tinggi & Pembangunan Generasi baru FELDA, Ibu Pejabat FELDA melalui Pejabat Rancangan FELDA

masing-masing dalam tempoh enam (6) bulan setelah menerima tawaran rasmi pembiayaan pendidikan PTPTN.

6. Penerima Biaya juga hendaklah mengemukakan salinan asal transkrip akademik dan salinan sijil Diploma atau Ijazah Sarjana Muda yang telah disahkan sebagai bukti Penerima Biaya tersebut telah berjaya menamatkan pengajiannya.
7. Jumlah pengurangan 30% tersebut akan disalurkan terus oleh FELDA kepada PTPTN dan PTPTN bertanggungjawab untuk mengemaskini lejar Penerima Biaya tersebut selepas menerima bayaran daripada FELDA. Peminjam boleh melihat atau menyemak penyata pembiayaan masing-masing melalui portal PTPTN.

CARTA ALIR

8. Carta alir adalah seperti di Lampiran 2.

LAIN-LAIN

9. Permohonan untuk mendapatkan pembiayaan pendidikan daripada PTPTN adalah tertakluk kepada terma dan syarat serta kaedah semasa seperti yang ditetapkan oleh pihak PTPTN dan PTPTN mempunyai budibicara sepenuhnya untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan yang diterima oleh pihak PTPTN.
10. Jumlah pembiayaan pendidikan, tempoh pembiayaan pendidikan, kadar bayaran balik pembiayaan pendidikan dan proses kutipan balik pembiayaan pendidikan yang diluluskan dan dikeluarkan oleh PTPTN kepada Penerima Biaya tersebut adalah mengikut dasar dan ketetapan daripada pihak PTPTN dari semasa ke semasa.
11. Faedah pengurangan bayaran balik pembiayaan pendidikan sebanyak 30% ini hanya diberikan kepada Penerima Biaya yang telah mendapat status pengesahan mereka secara bertulis daripada pihak FELDA dan FELDA mempunyai budibicara sepenuhnya ke atas status pengesahan tersebut.

12. Penerima Biaya yang mendapat faedah pengurangan ini juga adalah berhak ke atas sebarang pemotongan dan/atau pengurangan lain yang ditawarkan oleh pihak PTPTN dari semasa ke semasa dan/atau ke atas sebarang pemotongan dan/atau pengurangan lain yang diumumkan kelak (sekiranya ada).

MAKLUMAT PERHUBUNGAN FELDA

13. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dasar dan polisi FELDA berhubung kerjasama ini bolehlah berhubung terus dengan Jabatan Pengajian Tinggi & Pembangunan Generasi Baru, Ibu Pejabat FELDA atau Pejabat Wilayah FELDA di seluruh negara seperti di Lampiran 3.

BORANG PERMOHONAN FAEDAH PENGURANGAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN ANAK-ANAK PENEROKA FELDA

14. Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Faedah Pengurangan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan Anak-anak Peneroka FELDA seperti di Lampiran 4.

Maklumat dikemaskini pada 28 Mei 2015

Jabatan Penyelidikan Dasar dan Pembangunan Produk, PTPTN

LAMPIRAN 1

Pembahagian Kuota IPT bagi Faedah Pengurangan Bayaran Balik Pembiayaan Pendidikan PTPTN kepada Anak-anak Peneroka FELDA

IPTA

Semua IPTA dalam negara termasuk Politeknik dan Kolej Komuniti

IPTS

Jadual 1 : Pengajian Peringkat Diploma

Bil.	Nama Institusi
1.	Limkokwing University Of Creative Technology (LUCT)
2.	Akademi Laut Malaysia (ALAM)
3.	Kolej Antarabangsa Unifield
4.	KFCH International College
5.	Universiti Nilai
6.	Kolej Pendidikan Perdana (KOPEDA)
7.	Bukit Merah Laketown Institute of Allied Health Sciences
8.	Etrain College
9.	Cosmopoint College
10.	Multimedia College
11.	Stamford College

Jadual 2 : Pengajian Peringkat Ijazah Pertama


Bil.	Nama Institusi
1.	Limkokwing University Of Creative Technology (LUCT)
2.	Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
3.	Universiti Malaysia of Computer Science Engineering (UNIMY)
4.	UNITAR International University

*senarai IPTS boleh berubah dari semasa ke semasa


**setiap IPTS diberikan kuota oleh FELDA. Sebagai contoh, jika kuota ALAM adalah seramai 10 pelajar, maka faedah ini hanya akan diberikan kepada 10 permohonan paling awal


***jumlah kuota boleh berubah dari semasa ke semasa


CARTA ALIR PERMOHONAN FAEDAH PENGURANGAN 30% BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN BAGI ANAK-ANAK PENEROKA FELDA




MAKLUMAT PERHUBUNGAN FELDA**PEJABAT WILAYAH**

ALOR SETAR	
Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Alor Star, Pejabat FELDA Wilayah Alor Star, Jalan Perak, Off Seberang Jalan Putera, Mergong, 05150 Alor Star, Kedah Darul Aman
	04-7353158, 04-7352059


GUA MUSANG	
Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Gua Musang, Pejabat FELDA Wilayah Gua Musang, Bandar Baru, Jalan Lipis, 18300 Gua Musang, Kelantan Darul Naim
	09-9121933, 09-9121101, 09-9121102

JENGA	
Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Jengka, Pejabat FELDA Wilayah Jengka, 26400 Bandar Jengka, Pahang Darul Makmur
	09-4718352, 09-4718400, 09-4718401, 09-4718402

JOHOR BAHRU	
Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Johor Baru, Pejabat FELDA Wilayah Johor Bahru, Jalan Taruka Off Jalan Datin Halimah, Karung Berkunci 724, 80990 Johor Bahru, Johor Darul Takzim
	07-2361091, 07-2367477, 07-2361478

KUANTAN	
Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Kuantan, Pejabat FELDA Wilayah Kuantan, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur
	09-5733684, 09-5733533, 09-5733030


MEMPAGA

Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Mempaga, Pejabat FELDA Wilayah Mempaga, Feldajaya Timur Mempaga, 28600 Karak, Pahang Darul Makmur
	09-2234712, 09-2233543


RAJA ALIAS

Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Raja Alias, Pejabat FELDA Wilayah Raja Alias, Feldajaya Selatan Raja Alias, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan Darul Khusus
	06-4581333, 06-4581985, 06-4582023


SAHABAT

Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Sahabat, Peti surat 88, 91150 Cenderawasih, Lahad Datu, Sabah
	089-811200, 089-811201

SEGAMAT

Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Segamat, Pejabat FELDA Wilayah Segamat, Km. 5, Jalan Genuang, 85000 Segamat, Johor Darul Takzim
	07-9432957, 07-9432410, 07-9432419

TERENGGANU

Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Terengganu, Pejabat FELDA Wilayah Terengganu, Lot 10262, Tepoh, Mukim Kuala Nerus, 21060 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman
	09-6626640, 09-6626641

TROLAK

Alamat :	Pengurus Besar FELDA Wilayah Trolak, Pejabat FELDA Wilayah Trolak, Jalan Meranti 2, Feldajaya Utara, 35600 Sungkai, Perak Darul Ridzuan
	05-4386201, 05-4386153, 05-4386196

**BORANG PERMOHONAN FAEDAH PENGURANGAN BAYARAN BALIK
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN
ANAK-ANAK PENEROKA FELDA**



**BORANG PERMOHONAN
FAEDAH PENGURANGAN BAYARAN BALIK
PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN
ANAK-ANAK PENEROKA FELDA**

GAMBAR
PASPORT

PUSAT PENGAJIAN :

(HURUF BESAR)

A. MAKLUMAT DIRI

1. Nama penuh (*Huruf Besar*) :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Jantina (Lelaki/Perempuan) :
4. Tarikh Lahir : 4. Tempat Lahir :
5. Umur : 6. Sudah/Belum Berkahwin:.....
7. Agama: 8. Warganegara :
9. Kaum : 10. Kecacatan (jika ada) :
11. No Tel (Rumah): 12. No Tel. (Bimbit) :
.....
13. Alamat Surat Menyurat :
.....
.....
14. Alamat di rancangan :
.....
.....

B. PENGAJIAN

1. Jenis Kursus :
2. Diploma / Ijazah :
3. Tempoh Kursus :tahun Mulai (tahun)

Tamat (tahun)

-
4. No. Rujukan Surat Tawaran PTPTN :
 5. Tempoh Pinjaman PTPTN : tahun
 6. Jumlah Pinjaman PTPTN : RM.....

D. MAKLUMAT PENEROKA

1. Nama Peneroka :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Alamat Peneroka :
.....
4. Hubungan dengan Peneroka :
5. Bil. Tanggungan:
6. Pendapatan sebulan RM:.....

(Sila lampirkan salinan penyata pendapatan peneroka)

G. PENGAKUAN / SOKONGAN

Saya mengaku bahawa;

1. Segala maklumat dan keterangan yang diberi di atas adalah betul dan benar. Saya berhak untuk menerima apa-apa tindakan jika maklumat yang diberikan adalah tidak benar.

Tarikh:
(Tandatangan Pemohon)

2. Pengesahan sokongan Pengurus Rancangan

.....
.....
Peneroka / Pentadbir tinggal dalam Rancangan YA / TIDAK

Tarikh:
.....
(Tandatangan Pengurus / Cop)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Tindakan Jabatan Pengajian Tinggi & Pembangunan Generasi Baru FELDA:

Permohonan : **Diluluskan / Tidak Diluluskan**

Jumlah Diluluskan : RM_____

Ulasan :